

# **PROGRAM CODING@SCHOOLS**

## **UNIT STRATEGI NASIONAL (NSU), KEMENTERIAN KEWANGAN**

### **PENGENALAN**

Program Coding@Schools ini dijalankan secara kolaborasi di antara Kementerian Kewangan dengan Kementerian Pendidikan Malaysia yang memberi fokus utama kepada pelajar sekolah tahap dua (tahun 4,5 dan 6) di seluruh Malaysia untuk memberi pendedahan kepada mereka dalam mempelajari asas-asas dan prinsip pengaturcaraan komputer melalui perisian HTML, CSS dan JavaScript bagi menggalakkan inovasi dan juga asas keusahawanan.

### **LAPORAN INOVASI**

#### **LATAR BELAKANG DAN OBJEKTIF PROGRAM**

Semasa pembentangan bajet 2016 yang lalu, YAB PM telah menyatakan bahawa kerajaan akan melaksanakan program Coding@Schools melalui pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS). Rentetan daripada pembentangan bajet tersebut, satu perbincangan daripada pengurusan atasan MOF, pengurusan atasan MOE, wakil daripada JPN dan NSU, MOF telah diadakan bagi membincangkan pelaksanaan program ini. (top-bottom). Sejurus daripada perbincangan itu, warga NSU, MOF telah mengadakan perbincangan bersama pihak MOE untuk memohon kebenaran mengadakan program C@S di 100 buah sekolah di seluruh Malaysia dan telah mendapat kelulusan daripada MOE lalu sebulat suara telah melantik Startup Malaysia sebagai pengendali program ini setelah mendapat kelulusan daripada pengurusan atasan MOF. (outside - in).

Objektif utama program Coding@Schools ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar sekolah rendah dalam mempelajari asas-asas dan prinsip pengaturcaraan komputer melalui perisian HTML, CSS dan JavaScript bagi menggalakkan inovasi dan juga asas keusahawanan.

#### **KUMPULAN SASARAN**

Pelajar sekolah rendah tahap dua (tahun 4,5, dan 6) di seluruh sekolah Malaysia.

#### **IMPAK INOVASI TERHADAP KUMPULAN SASAR**

##### **ELEMEN INOVATIF/KREATIVITI**

Program Coding@Schools ini memberi penekanan kepada pelajar-pelajar sekolah rendah seluruh Malaysia untuk mempelajari subjek pengkomputeran sebagai salah satu aktiviti kokurikulum di sekolah.

## **ELEMEN KEBERKESANAN**

Program ini dijalankan mengikut jadual pelaksanaan yang telah ditetapkan dan diterajui oleh 40 pelatih dan fasilitator terpilih yang mempunyai minat yang mendalam dalam program ini. Dengan adanya fasilitator serta jadual yang efektif, program ini dapat menarik minat para pelajar untuk mempelajari ilmu pengkomputeran secara menyeluruh.

## **ELEMEN SIGNIFIKAN**

Teknologi yang semakin pesat membangun menjurus kepada pembelajaran ilmu pengkomputeran di sekolah rendah agar para pelajar ini dapat membangun serta member seiring dengan keperluan ekonomi dan masa hadapan.

## **ELEMEN RELAVAN**

Program Coding@Schools ini sangat relevan kerana memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar sekolah rendah dalam mempelajari asas-asas dan prinsip pengaturcaraan computer melalui perisian HTML, CSS dan JavaScript bagi menggalakkan inovasi dan juga asas keusahawanan.

## **PENCAPAIAN**

Pada tahun 2016, sebanyak 3000 orang pelajar daripada 100 buah sekolah seluruh Malaysia telah mendapat manfaat daripada program Coding@Schools. Pada tahun 2017 pula, sebanyak 6000 penyertaan peserta daripada 120 buah sekolah seluruh Malaysia akan meneruskan perjalanan mereka untuk mempelajari ilmu pengkomputeran.

## GAMBAR PROGRAM



Launching of Coding@Schools 2016



C@S 2016 – Prize Giving Ceremony of National Code Challenge (1) by Prime Minister, Malaysia held on 14 – 16 August 2016



Launching of Coding@Schools 2017



C@S 2017 – Coding Class



Visit from Foundation for Multimedia Communication (FMMV) Japan on 08 June 2017



C@S 2017 – Teacher Bootcamp at Hotel Maluri, Cheras

Disediakan oleh : Raja Nurul Hasliza Binti Raja Azman

Unit Dasar dan Perancangan

Unit Strategi Nasional, Kementerian Kewangan

☎ : 03-8890 6484 ☎ : 03-8890 6517 ✉ : hasliza.azman@treasury.gov.my